

22/1/12



**KONVENSYEN ALUMNI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

*“UUM 15 TAHUN : SATU PENILAIAN SEMULA”*

**KEUNIVERSITIAN :  
DULU, KINI DAN  
AKAN DATANG**

**DISEDIAKAN OLEH**

**PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATO' DR. AWANG HAD SALLEH  
NAIB CANSELOR PERTAMA  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

**5 – 6 JUN 1999  
PUSAT KONVENSYEN UUM**

# KEUNIVERSITIAN: DULU, KINI DAN AKAN DATANG<sup>1</sup>

Oleh  
Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr Awang-Had Bin Salleh  
Naib-Canselor Pertama  
Universiti Utara Malaysia

## PENGENALAN

Sebelum terus berbicara tentang *keuniversitian*, wajar rasanya dihuraikan sedikit latar belakang kewujudan istilah itu, mengingat bahawa ia belum digunakan dengan meluas dalam kesasteraan atau literatur mengenai universiti. Istilah ini diwujudkan dalam tahun pertama penubuhan Universiti Utara Malaysia ini sendiri, iaitu dalam tahun 1984 bila dayausaha mulai diambil oleh Universiti untuk menggubal sebuah *plan induk* kampus tetapnya di Sintok.

Kekuatan sesuatu bahasa terletak pada, antara lain, kehadiran istilah khusus untuk mewakili sesebuah konsep khusus. Bahasa Melayu sendiri sedang rancak bergerak ke arah pengkonsepsian menerusi pengistilahan khusus ini. Maka itu, pada pendapat saya ketika itu, daripada mengulangi frasa "ciri-ciri yang melambangkan sifat-sifat sesebuah universiti" lebih baik diungkapkan sahaja sebuah kata khusus untuk membawa makna yang sama. Demikianlah maka lahirnya istilah *keuniversitian*.

Oleh sifat kebaruannya, saya terpaksa mengingatkan orang yang saya lawan bicara supaya tidak, pertama, merujuk ke mana-mana kamus bahasa Melayu untuk mencari makna *keuniversitian* kerana ia belum terdapat di dalam mana-mana kamus Melayu; dan kedua, jangan juga ditanyakan saya apakah persamaannya dalam bahasa

---

<sup>1</sup> Ucaputama disampaikan kepada Forum Alumni UUM, pada 5 Jun 1999, di Dewan Konvensyen, sempena

Inggeris kerana ia juga belum ada dalam bahasa itu. Tetapi, kalau ditanyakan juga, jawab saya kepada soalan itu ialah bahawa *keuniversitian* itu – kalau ada istilah Inggerisnya – ialah “*universitiness*”. Jangan juga dirujuk ke mana-mana kamus bahasa Inggeris. Tidak akan ditemui istilah itu di situ.

## KONSEP

Apakah sebenarnya *keuniversitian* sebagai sebuah konsep? Bagi membantu menjelaskan maknanya, mari kita pindah sejenak daripada *universiti* ke *masjid*. Jika saya berbicara dengan seorang arkitek tentang hajat saya untuk mendirikan sebuah masjid, misalnya, dia akan bertanya saya apakah spesifikasinya. Lebih-lebih lagi jika si arkitek itu seorang bukan Islam yang tidak pula faham tentang konsep masjid, saya tentunya terpaksa menghuraikannya dengan panjang lebar. Saya harus menerangkan kepadanya tentang peri pentingnya masjid itu menghadapi arah qiblat; harus ada mimbar untuk imam menyampaikan kutbah, harus ada ‘kamar imam’ iaitu bilik khas di bahagian hadapan dekat dengan mimbar untuk kegunaan imam, harus ada tempat khusus untuk berwuduk untuk lelaki yang berasingan daripada tempat wujud untuk perempuan, harus ada tempat khusus untuk perpustakaan masjid, harus ada tangga di sekelilingnya dengan ruang yang cukup besar untuk orang menyimpan kasut, dan banyak lagi. Dalam berbuat demikian, saya seolah-olah menjawab soalan si arkitek tadi tentang sebuah konsep yang boleh kita istilahkan sebagai – izinkan saya – *kemasjidan*, yang membawa maksud anasir-anasir keperluan fungsi masjid yang mesti diambil kira supaya ciri-cirinya tidak mengekang masjid daripada menjalankan fungsinya, tetapi sebaliknya membolehkan masjid memaksimumkan pelaksanaan fungsinya.

---

menyambut UUM 15 Tahun.

Demikianlah pula bila saya bercakap tentang *keuniversitian*, huraianya akan menjawab, antara lain, soalan-soalan berikut:

- (a) Apakah tujuan didirikan sesebuah universiti?
- (b) Apakah kegiatan yang berlaku di dalamnya?
- (c) Siapakah penghuninya? Mereka terdiri daripada kelompok-kelompok yang bagaimana? Berapa ramaikah tiap-tiap kelompok itu. Apakah pula keperluan-keperluan kelompok yang berlainan fungsinya dalam universiti?
- (d) Apakah kemudahan-kemudahan yang harus diwujudkan di situ?
- (e) Apakah misinya?
- (f) Apakah falsafahnya?
- (g) Apakah fungsi dalamannya atau fungsi hakikinya?
- (h) Apakah pula fungsi luarannya atau fungsi interaksi sosialnya dengan alam sekitarnya?
- (i) Apakah ukuran kecemerlangannya?
- (j) Apakah pula ukuran kegagalannya?

Dan lain-lain soalan yang berkaitan.

### **KEUNIVERSITIAN DAN IMPLIKASINYA KEPADA PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN SESEBUAH UNIVERSITI**

Untuk apakah maka *keuniversitian* itu menjadi amat perlu dan kepada siapakah persoalan keuniversitian ini menjadi perlu? Mari kita berbalik semula kepada analogi kita tadi iaitu sebuah masjid. Kita mungkin berkecenderungan membuat kesimpulan bahawa *kemasjidan*, sebagai sebuah konsep, dapat berfungsi sebagai garis pandu atau 'speks' kepada arkitek yang mereka-bentuk masjid itu dan juga kepada jurutera yang

akan menterjemahkan jumlah jumaah bagi menentukan luas dan kekuatan lantai dan sebagainya. Ertinya, *kemasjidan* itu menjadi amat relevan dari segi pembangunan fizikal masjid itu tadi. Sebenarnya, ini adalah tanggapan yang kurang tepat. Sebenarnya, ia juga relevan kepada aspek-aspek bukan fizikal masjid itu, seperti, penjadualan aktiviti, jenis-jenis dan bidang-bidang kursus yang hendak diadakan, penerbitan risalah-risalah berkala dan tak berkala, penetapan dasar pengkhotbahan, dan sebagainya.

Maka begitu pulalah halnya dengan *universiti* dan *keuniversitian*. Kerelevanan *keuniversitian* itu tidak tertumpu kepada perancangan pembangunan fizikalnya sahaja, tetapi juga kepada pembinaan kurikulumnya, kepada perancangan program ko-kurikulumnya, dan sebagainya.

#### KEUNIVERSITIAN DALAM PERSPEKTIF WAKTU: DULU, KINI DAN AKAN DATANG

Universiti adalah salah sebuah daripada beberapa institusi sosial yang berterusan begitu lama dalam sejarah <sup>peradaban manusia</sup>. Universiti sebagai sebuah institusi pendidikan telah wujud dalam peradaban Greek lagi, tetapi ia tumbuh silih berganti tanpa kesinambungan sehinggalah lahir Universiti Al-Azhar lebih daripada seribu tahun dahulu. Sejak itu barulah institusi universiti itu bertumbuh dengan berkesinambungan. Maka itulah dikatakan bahawa Al-Azhar adalah sebuah universiti yang tidak putus-putus berkesinambungan yang tertua sekali di dunia.

Seperti institusi sosial lainya, universiti sebagai sebuah institusi sosial juga tidak statik sifatnya. Ia berubah mengikuti perubahan waktu. Seorang ahli filasuf Greek, Heraclitus namanya, berkata pada waktu-waktu yang berbeda, kira-kira 2600 tahun dahulu mengenai perubahan.

Pada suatu waktu dia berkata:

*Everything flows and nothing abides; everything gives way and nothing stays fixed . . . .*

(Semuanya mengalir dan tiada yang kekal; semuanya memberi laluan dan tiada yang tetap . . . .)

Pada suatu waktu pula dia berkata:

*You cannot step twice into the same river, for other waters and yet others go ever flowing on . . . .*

(Kita tak 'kan mencecah dua kali ke dalam sungai yang sama, kerana air mengalir dan terus mengalir . . . .)

Pada waktu lain lagi pula dia berkata:

*It is in changing that things find repose . . . .<sup>2</sup>*

(Dengan berubahlah semuanya memperoleh kemantapan<sup>3</sup> . . . .)

Demikianlah *keuniversitian* itu pun menjalani perubahan yang tidak dapat dielakkan. Bolehlah diandaikan bahawa universiti-universiti terawal yang tidak lagi wujud sekarang ini adalah demikian jadinya kerana keengganannya merobah mengikut tuntutan zaman, manakala Universiti Al-Azhar telah berubah mengikut tuntutan zaman. Ia sekarang mempunyai fakulti sains – setelah berdebat dengan hangatnya kira-kira dua dekad lalu. Hal ini menjadi jelas bila kita melihatnya di dalam perspektif waktu: dulu, kini dan akan datang. Perubahan itu berlaku dalam beberapa daerah yang di antaranya ialah:

pertama, bidang ilmu yang diliputi;

kedua, jenis atau profil pelajarnya;

---

<sup>2</sup> Dipetik daripada Michael Macrone, *A Little Knowledge...*, London: Pavilion Books Limited, 1995: halaman 18.

<sup>3</sup> Dengan 'kemantapan' diertikan sebagai ekuilibrium.

ketiga, penjadualan program pengajian;  
keempat, sistem penilaian pencapaian akademik;  
kelima, corak fizikal kampusnya;  
keenam, sistem dan kaedah pengajaran dan pembelajaran;  
ketujuh, kurikulumnya;  
dan lain-lain.

Bagaimanakah kelihatannya perbezaan atau perubahan itu? Bercakap tentang *keuniversitian* dahulu sebenarnya meliputi suatu tempoh yang amat panjang. Oleh itu, kita hanya dapat membuat kesimpulan-kesimpulan am sahaja. Bercakap tentang *keuniversitian* kini, kita mungkin berkecenderungan lebih banyak melihat universiti-universiti tempatan. Manakala bercakap tentang *keuniversitian* akan datang kita mempunyai keyakinan pada peringkat permulaan era akan datang itu tetapi tidak dapat menggambarannya dengan tepat untuk tempoh yang jauh lebih panjang dari sekarang. Dalam keterbatasan yang begini saya cuba memperlihatkan perbezaan yang besar-besar dan ketara sahaja mengenai universiti dalam tiga perspektif waktu tadi.

Kita mempunyai dua pilihan di sini. Kita boleh melihat unsur-unsur *keuniversitian* mengikut era, bermula dengan era dulu, diikuti era kini dan berakhir dengan era akan datang. Kita boleh juga melihat ketiga-tiga era itu menurut tiap-tiap unsur dalam *keuniversitian*. Bagi memudahkan perbandingan di antara ketiga-tiga era itu dalam satu daerah atau satu unsur *keuniversitian* yang sama, saya memilih alternatif kedua.

Mari kita lihat corak *keuniversitian* itu menurut satu-satu aspek tertentu.

## PERTAMA: BIDANG ILMU YANG DILIPUTI

Bidang ilmu yang diliputi oleh universiti pada masa dahulu ialah falsafah, agama, bahasa, kesusasteraan. Kursus-kursus begini dipanggil klasik. Kursus pengajian klasik begini kemudiannya berkembang kepada ilmu yang hakiki seperti sains dan kesenian, tetapi bidang pengajian yang berdasarkan aplikasi tidak diberikan tempat. Demikianlah, perubatan, pergigian, kejuruteraan, perakaunan, dan lain-lain seumpamanya diajar di universiti hanya setelah universiti bermula di Amerika Syarikat. Sebelum itu, kursus-kursus pengajian bidang aplikasi ini, di Eropah, dikendalikan tidak oleh universiti tetapi oleh badan-badan profesional masing-masing sebagai suatu reaksi kepada universiti yang tidak memberi tempat kepada bidang-bidang itu.

Universiti di era dulu mengasingkan diri daripada masalah<sup>a</sup> penghidupan harian. Ia menganggapnya sebagai berada dipuncak dan bukanlah urusannya untuk menyelesaikan masalah seharian masyarakat. Tugasnya adalah lebih khusus iaitu untuk berbicara tentang apa yang dapat dipanggil sebagai penglibatan intelek dan minda, dan bukannya penglibatan mempertajam ketrampilan profesional. Oleh sikap yang demikian, maka universiti masa itu dinamakan *Menara Gading*.

Dengan bermulanya zaman pembaharuan atau *renaissance* di bahagian kedua era dulu, bidang-bidang ilmu gunaan atau aplikasi mulai mendapat tempat. Yang menjadi kriteria penerimaan sesuatu bidang ke dalam kurikulum universiti bukan lagi sekadar keberuntungan untuk berobsesi dengan olahan intelek dan minda, tetapi kehadiran himpunan kesasteraan dalam sesuatu bidang dan juga kehadiran kesasteraan penyelidikan dalam bidang ilmu yang sama.



Dalam era kini, penambahan bidang ilmu yang dikaji dan dipelajari di universiti itu berterusan lagi. Dalam pergolakan politik di Amerika Syarikat sehubungan dengan diskriminasi kaum dan pembangunan perjuangan menuntut hak yang sama dari penduduk kulit hitam, universiti menyambutnya dengan mengadakan apa yang dipanggil the *Black Studies* atau the *African Studies*. Sekarang ini dimasukkan pula pengajian komputer, kejuruteraan elektronik, pengurusan, pelancongan, industri hospitaliti, dan berbagai lagi.

Dengan berbuat demikian, universiti dikatakan telah meninggalkan menara gadingnya lalu mendekati masyarakat harian. Universiti juga dikatakan telah mulai bersikap pragmatik, utilitarian, berorientasi gunaan. Ia tidak lagi idealistik tetapi telah lebih berjejak di bumi nyata. Ia telah menjadikan relevan kehadirannya di dalam masyarakat.

Dalam tempoh peralihan bentuk lama ke bentuk baru, universiti-universiti di Barat, sambil mengembangkan bidang ilmu, masih berpaut lagi kepada tradisi lama bila mereka masih memestikan pelajar-pelajar menguasai suatu bahasa moden dan suatu bahasa klasik, biar apa pun bidang ilmu yang diikuti mereka. Di universiti berbahasa pengantar Inggeris, bahasa modennya mungkin Arab, Jerman, Perancis dan lain-lain, manakala bahasa klasiknya ialah biasanya bahasa Latin. Hanya selepas perang dunia kedua baharulah beransur-ansur keperluan menguasai dua bahasa itu sedikit demi sedikit digugurkan.

## **KEDUA: PROFIL PENUNTUT ILMU**

Adalah sebuah koinsiden bahawa di dalam bahasa Melayu mereka yang belajar di universiti pada era kini dipanggil *pelajar* yang membawa makna orang yang belajar,

sedang mereka yang belajar ilmu peringkat tinggi di zaman lampau dipanggil *penuntut* yang membawa erti orang yang menuntut ilmu di peringkat tinggi. Ini amat menarik kerana kedua-dua istilah itu memberi penekanan yang berbeda.

Jika kita lihat universiti-universiti di zaman kegemilangan Islam dahulu, pertama, penuntut-penuntut mempelajari tanpa menduduki peperiksaan pra-syarat atau *prerequisite*. Penuntut-penuntut juga tidak disyaratkan mesti berumur sekian hingga sekian. Penuntut-penuntut beredar dari tempat ke tempat untuk mempelajari dari guru atau tok guru yang terkenal kedalaman ilmunya dalam sesuatu bidang tertentu. Dalam tradisi pembelajaran agama Islam di Malaysia, walaupun penuntut-penuntut institusi *pondok* adalah ramai tetapi hanya sebilangan kecil sahaja yang mendalami ilmu agama di tanah air, lepas itu ke Patani dan sesudah itu ke Timur Tengah, terutamanya, ke Mekah dan Kahirah.

Imam-imam besar pelbagai mazhab kita juga mengembara menuntut ilmu dan membuat penyelidikan dengan mengembara dari sebuah tempat ke sebuah tempat lain, dari seorang guru ke guru yang lain. Dengan masuknya peradaban manusia ke era revolusi industri, pendidikan juga ikut diindustrikan. Universiti ikut merobah modus perjalanannya dengan mensistemkan peraturan, peperiksaan, pensijilan, dan sebagainya. Dengan demikian maka berubah pulalah profil pelajar-pelajar di universiti.

Profil pelajar menjalani perubahan dari suatu segi lagi. Universiti di masa dahulu tidak sahaja berupa menara gading, tetapi pelajar-pelajarnya juga kecil jumlahnya dan elitis sifatnya. Hanya pada masa kini – suatu fenomenon yang bermula selepas perang dunia kedua – barulah pengambilan pelajar berubah corak daripada elitis kepada egalitarian. Di Amerika Syarikat, wujud universiti yang didirikan khas untuk memberi

tempat kepada pelajar-pelajar kulit hitam sebagai reaksi kepada universiti-universiti yang selama ini dikuasai oleh orang berkulit putih.

Di Amerika Syarikat juga, fenomenon elitis di kalangan pelajar ini di atasi dengan diberikan *peluang kedua* bila didirikan dengan banyaknya apa yang dipanggil *community colleges* untuk menampung keperluan pelajar-pelajar yang dipinggirkan oleh sistem konvensional yang amat menitikberatkan kecemerlangan akademik.

Pada masa akan datang – malah sebenarnya, proses itu sudah bermula sekarang – pendemokrasian peluang pendidikan akan menjadi lebih revolusioner sifatnya dengan adanya pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran menerusi IT yang merobah modus pembelajaran dan penjadualan masa belajar. Bayangkan di Denver, sebuah kampus bagi the National University of Technology dipenuhi dengan piring-piring parabola serta studio-studio dan alat-alat pemancar bagi mengendalikan pelbagai macam kursus kejuruteraan kepada pelajar-pelajar masters yang bekerja di pelantaran minyak-di pesisir pantai dan di tengah laut atau di gedung-gedung bangunan yang sedang dibina.

Berbalik ke tanah air kita sendiri sudah ada *virtual university* yang menganut pendekatan yang kira-kira serupa.

Walaupun, di suatu pihak IT dikatakan memperluaskan konsep pendemokrasian peluang pendidikan universiti, tetapi andaiannya ialah bahawa semua orang bermain di padang yang sama rata. Kenyataannya ialah tidak. Hakikatnya ialah kebalikannya. Perbezaan dari segi daya pemilikan alat-alat IT tidak sahaja berlaku di peringkat individu dalam sesuatu komuniti, tetapi juga di antara komuniti dalam sesebuah negara, dan di antara negara-negara di dunia ini. Perbezaan itu tidak sahaja disebabkan oleh taraf pemilikan kuasa membeli dan memiliki, tetapi juga disebabkan oleh sistem nilai, tahap

aspirasi, dan profil keutamaan dalam cita-cita. Demikianlah maka pendemokrasian peluang pendidikan itu hendaklah dilihat sebagai relatif tetapi bukannya mutlak.

### KETIGA: PENJADUALAN PROGRAM PENGAJIAN DAN SISTEM PENILAIAN

Pada masa dahulu, sesuai dengan konsep penuntutan ilmu, penuntut-penuntut pada tahap ilmu tinggi dapat dikatakan berdedikasi sepenuh waktu. Dapatlah diandaikan waktu rehat dan waktu cuti tidak menjadi persoalan besar. Yang menjadi penentu ialah guru itu sendiri. Guru-guru tidak bekerja untuk mata pencarian. Jika tradisi Islam dijadikan ukuran, guru-guru memperoleh rezeki menerusi dua punca, iaitu, peruntukan gandom yang disediakan oleh pemerintah dan hadiah atau sedekah yang diberikan oleh individu penuntut atau waris mereka atau ahli masyarakat sekitar. Di Timur Tengah kelas dijalankan di masjid-masjid terkenal. Penuntut-penuntut menumpang di bilik-bilik yang disediakan di masjid.

Bila tradisi ini dibawa ke rantau ini dan dijelmakan sebagai *sistem pondok* atau dikenali sebagai *pesantren* di Indonesia, penjadualan pembelajaran dilakukan bersesuaian dengan aktiviti ekonomi dalam masyarakat setempat. Demikianlah – pada masa itu sawah diusahakan satu musim setahun – penuntutan ilmu dihentikan semasa musim menuai bagi membolehkan pelajar membuat kerja sambilan untuk menambah pendapatan dan juga untuk menderma kepada guru. Di dunia temperate, kegiatan selalunya dikaitkan dengan musim yang empat.

Walau apapun coraknya, penjadualan menjadi lebih sistematik bila dunia memasuki revolusi industri. Lalu mucullah sistem penggal di mana tahun dibahagiakan

kepada tiga penggal dengan peperiksaan akhir dijalankan di penghujung penggal terakhir pengajian.

Penjadualan pengajian ini melalui beberapa reformasi daripada sistem penggal kepada sistem semester dan sistem kuarter. Untuk ijazah tinggi – program PhD umpamanya – sistem kontinental dan UK yang berpusat pada penyelidikan semata-mata berubah kepada sistem di mana tahun pertama ialah kerja kursus dan dua tahun kemudiannya barulah penyelidikan yang menjadi asas kepada penulisan tesis. Penerusan ke peringkat penyelidikan dan penulisan tesis ini bergantung kepada calon lulus atau tidak peperiksaan kelayakan di akhir sesi kerja kursus tadi.

Ikut berubah bersama perubahan dalam penjadualan ialah perubahan dalam sistem penilaian. Daripada pemarkahan secara peratusan kepada penggredan dan pengelasan ijazah sekarang ini ia dipengaruhi pula oleh sistem dari Amerika Syarikat dalam bentuk pengelasan dan penggredan menggunakan formula yang dipanggil *Grade Point Average* dan himpunannya kepada *Cumulative Grade Poit Average*. Sepanjang manakah dan sebanyak manakah sesuatu kursus diambil atau diikuti oleh seseorang pelajar diukur tidak dari segi berapa penggal ia dipelajari tetapi diukur dari segi berapa *credit hours*-kah seseorang pelajar mengambil kursus atau kelompok kursus itu.

Bagaimanakah pula penjadualan pengajian dan penilaian di masa akan datang? Penjadualan sekarang ini pun sudah berubah. Apa lagilah di masa akan datang. Jika pembelajaran dibuat secara spontan merentas gelob, akan timbul masalah zon waktu yang berbeda. Hal ini bukanlah tidak boleh diatasi iaitu dengan mengadakan komunikasi dan interaksi yang dilewatkan. Walau bagaimanapun, jika peperiksaan dikendalikan serupa sahaja soalan-soalannya di seluruh dunia, maka adalah perlu peperiksaan itu dijalankan

serentak yang menimbulkan kembali masalah zon waktu yang berbeda. Dalam keadaan demikian, peperiksaan tertangguh dapat diatur dan soalan-soalan yang dikemukakan bukanlah sama betul tetapi setara.

Siapa tahu, pada masa hadapan nanti, penilaian terakhir ialah ditempat kerja ketika melamar kerja? Siapa tahu, pada masa hadapan nanti, penyambungan pengajian juga dilakukan tidak berdasarkan pencapaian yang telah dibuat tetapi ialah pada sebanyak mana yang telah diketahui di tahap pengajian lanjutan itu? Sesuai dengan spekulasi ini, mungkin penyambungan pengajian ke tahap di atas tidak bergantung kepada lulus tidaknya calon dalam peperiksaan atau ujian yang dianggap sebagai prasyarat. Logiknya ialah, kalau sesorang itu boleh lulus peperiksaan STPM apakah masih perlu dibuktikan yang ia telah lulus peperiksaan SPM sebelum itu, atau SRP sebelum SPM itu?

Pada masa ini pun, majikan tidak lagi melihat gred atau klas ijazah yang kita miliki. Mereka lebih mirip untuk melihat transkrip kita. Siapa tahu, pada masa hadapan, transkrip pun tidak dilihat, tetapi yang dilihat ialah dua tiga mata kursus kekuatan kita menerusi sijil-sijil berasingan yang kita tunjukkan selaras dengan kerelevanannya dengan bidang pengkhususan yang diusahakan oleh majikan.

#### **KEEMPAT: RUPA KAMPUS DAN BENTUK 'AJAR-BELAJAR'**

Saya meminta maaf kerana terpaksa memperkenalkan istilah baru lagi, iaitu, *ajar-belajar* yang merupakan gabungan dari dua kata: 'pengajaran' dan 'pembelajaran'. Memberi dan mendapatkan ilmu adalah terdiri daripada satu proses dua hala. Dulu, di universiti, guru mengajar dan penuntut belajar. Profesor atau tuan guru adalah otoriti

yang tidak dipersoalkan oleh penuntut. Bagi penuntut, dapat bergurukan seorang yang terkenal dalam sesuatu bidang ilmu adalah suatu rahmat sudah.

Tuan-tuan guru ini tinggal di masjid dan gereja atau tempat-tempat ibadah lain. Maka kampusnya ialah tempat-tempat ibadah itulah. Demikianlah maka masjid, dalam tradisi Islam, menjadi kampus universiti. Kemudian berlaku perubahan terutamanya di Barat bila agama dipisahkan daripada negara kerana urusan negara itu meliputi sebahagian besarnya hal-hal di luar agama. Menerusi pengembangan universiti di zaman industri, universiti menjadi bertambah sekular sifatnya.

Lama kelamaan, menerusi bantuan *land grant*, universiti memiliki tanah yang luas, lalu wujudlah kampus uniersiti yang selesa luasnya, dan bila direncanakan pembinaannya dengan baik jadilah ia seolah-olah sebuah *taman minda*, yang bebas daripada hiruk pikuk kesibukan lalu lintas di kota-kota. Anak sungai yang merentasny atau meminggirinya, pohon-pohon yang besar, tua dan menjulang tingginya, burung-burung yang berterbangan dengan kicauannya, tanah lapang dengan rumput-rumput hijaunya, bangunan-bangunan dengan reka bentuk yang menarik dan tata letaknya yang tidak kurang menariknya menjadikan suasana di dalam kampus itu nyaman, murni dan syahdu yang menggalakkan percambahan minda dan ilmu.

Bila universiti menjadi rapat hubungannya dengan industri atau bila universiti diwujudkan di kota-kota besar yang telah sedia ada, maka timbullah pula kampus-kampus kota yang mempunyai kawasan tanah yang kecil, yang rekabentuk bangunannya lebih praktikal dan pragmatik, lebih mementingkan kehampiran fizikalnya dengan tempat-tempat kerja, kilang-kilang dan firma, dan sebagainya. Ada pula universiti jenis ini yang

mempunyai kampus-kampus yang bertaburan di dalam sebuah kota besar seperti University of London umpamanya.

Trend ke masa hadapan sudah dapat dilihat manifestasinya dalam bentuk kampus virtual yang sudah diuraikan awal tadi.

Masalah yang dihadapi oleh kampus klasik ialah penyenggaraannya yang berkos tinggi. Pada waktu yang sama, tanah adalah aset bagi universiti. Keterbatasan keluasan tanah membawa pula keterbatasan sesetengah jenis penyelidikan. Masalah yang dihadapi oleh universiti berkampus majmuk pula ialah komunikasi dan jarak jauh di antara kampus. Walau bagaimanapun, hal ini sudah dapat diatasi oleh IT pada waktu kini.

Kaedah ~~pengajdlajaran~~<sup>r-be</sup> juga ikut berubah. Pada masa dahulu, penuntut-penuntut memperhamba diri kepada tuan guru. *Ajar-belajar* adalah secara bertembung muka dan <sup>bertentang</sup> mata. Sepanjang proses *ajar-belajar* yang berjalan beberapa tahun lamanya itu, guru tahu, maklum dan sedar atas pencapaian ilmu penuntutnya. Itulah sebabnya tidak ada kertas yang dikeluarkan kepada penuntut dengan nama ijazah. Ijazah yang disampaikan ialah menerusi genggam tangan yang kukuh dan erat di antara penuntut dan mahaguru di mana keizinan diberikan oleh guru kepada penuntut di saat-saat perpisahan di antara keduanya.

Fasa kedua dalam pertumbuhan institusi ilmu ini ialah bila ianya dipanggil *universiti* yang ramai orang menyangkakan berasal daripada kata *universality* dengan maksud *keuniversalan* ilmu. Hakikat yang sebenar ialah bahawa ia berasal daripada kata Greek yang membawa makna pengkorporatan. Ini berlaku bila mahaguru dari pelbagai jurusan ilmu berkumpul di bawah suatu tempat dan mendapatkan tenaga urus atau tenaga tadbir menguruskan perjalanan universiti itu.



Dari segi evolusinya, bagan-bagan pertumbuhannya ialah dari tempat ibadat sebagai pusat pengajian, kepada kampus klasik, kepada kampus kota, kepada universiti terbuka atau *open university*, dan kepada universiti maya.

Sekianlah sahaja dahulu tentang evolusi universiti dari era dulu, hingga ke era kini dan ke era akan datang. Oleh keterbatasan seperti yang telah dihuraikan pada awal tadi, deskripsi tentang perubahan-perubahan itu tidaklah mewakili atau representatif sifatnya tetapi hanyalah sekadar selektif, ilustratif dan demonstratif sahaja.

Saya bercadang mengakhiri pembentangan ini dengan merujuk kepada implikasi isu-isu yang dibincangkan setakat ini ke atas *keuniversitian* yang merentas zaman.

## FUNGSI SESEBUAH UNIVERSITI

Untuk melihat universiti yang ideal atau yang wajar, melihat perubahan yang dilaluinya sahaja tidak banyak dapat membantu. Yang lebih dapat membantu ialah dengan melihat apakah fungsi yang dapat diharapkan dari sesebuah universiti. Apakah fungsi-fungsi universiti?

### PERTAMA: UNIVERSITI SEBAGAI PENJANA ILMU

Di bawah fungsi ini, dapat kita golongan beberapa fungsi yang hampir serupa, iaitu, memperpanjangkan horizon ilmu menerusi penyelidikan, memperluas pengembangan ilmu menerusi penerbitan dan pengajaran serta persidangan. Berhubung dengan fungsi ini, apakah kampus klasik yang lebih sesuai atautah kampus kota yang lebih sesuai? Dalam era sebelum kemunculan IT saya rasa kampus klasikalah yang lebih

sesuai, tetapi kekurangan kampus kota pada masa <sup>lampau</sup> sudah dapat diatasi menerusi ~~kampus~~  
~~klasik~~ eksploitasi IT.

## KEDUA: UNIVERSITI SEBAGAI TAMAN MINDA

Jika kita mempercayai bahawa persekitaran yang aman, tenteram dan damai dapat membantu pemikir dan penulis~~an~~ yang memerlukan kontemplasi intelek maka jelaslah kampus klasik itulah yang lebih wajar. Sekitaran yang damai dengan kehijauan dan keaslian semula jadi dapat membantu tentunya. Setengah orang menamakan universiti sebagai *assylum* atau tempat persembunyian atau perlindungan bagi orang yang fikiran dan pemikirannya luar biasa dan tidak dapat dihayati oleh anggot masyarakat biasa. Kata orang yang memisahkan di antara *genius* dengan ketidaksiuman hanyalah setebal atau setipis kulit bawang sahaja. Kampus klasik lebih ideal sebagai tempat perlindungan untuk orang-orang yang istimewa seperti ini.

## KETIGA: UNIVERSITI SEBAGAI PEMULIHARA BUDAYA BANGSA

Universiti berfungsi memainkan dua peranan yang bertentangan. Di satu pihak ia menjadi penggerak pemodenan masyarakat dan negara menerusi penemuan-penemuan ilmu baru dan penemuan-penemuan sains yang dapat diterjemahkan kepada teknologi untuk kesejahteraan, kesenangan dan keefisienan penghidupan manusia. Di satu pihak pula ia menjadi pelindung dan pemuliharaan pustaka budaya bangsa. Sebenarnya kedua-duanya itu sama sahaja pentingnya untuk kesinambungan peradaban manusia. Jika kita percaya

fungsi itu wajar dimainkan oleh universiti, tidak kira model apa yang kita anuti, kampus klasik atau kampus kota, ruang yang mencukupi hendaklah diperuntukkan bagi museum dan galeri, teater dan <sup>↓</sup>gejangan persembahan, tempat ibadah, dan sebagainya.

Sesebuah kampus harus mencerminkan serta memmanifestasi kecemerlangan zaman kini dan kegemilangan zaman silam yang kita adalah pewarisnya.

#### **KEEMPAT: UNIVERSITI SEBAGAI ALAT PELAKSANA DASAR *AFFIRMATIVE ACTION***

Dasar pengambilan pelajar dan tenaga tadbir serta tenaga pengajar harus mencerminkan hasrat ini. Program-program akademik sokongan hendaklah digubal untuk mengurangkan kesan *cumulative academic deficiency*. IT hendaklah dipergunakan sebaik-baiknya untuk membantu ke arah itu.

Begitu juga halnya dengan kekurangan calon dalam bidang sains, umpamanya. Jika universiti dikehendaki membetulkan kepincangan ini, jalan keluarnya hendaklah dicari, sama ada tidak meng<sup>us</sup>khususkan penjurusan kepada sains dan sastera di sekolah tetapi menjadikan penjurusan itu hanya pada tahun kedua pengajian di universiti. Atau meneruskan penjurusan seperti sekarang tetapi mencari formula dan sebab-musabab mengapa berlaku kekurangan calon dalam bidang itu serta memperbetulkan berdasarkan penemuan daripada kajian-kajian ~~itu~~ yang dilakukan.

#### **KELIMA: UNIVERSITI SEBAGAI PEMBEKAL KEPIMPINAN MASA HADAPAN NEGARA DAN DUNIA**

Apakah kita mengharapkan universiti akan memainkan peranan membina kepimpinan dalam masyarakat? Apakah ciri-ciri kepemimpinan yang hendak kita tanam

di kalangan pelajar-pelajar universiti? Kecemerlangan ilmu? Kecemerlangan moral? Kecemerlangan pertanggungjawaban? Kecemerlangan intelek? Kecemerlangan sahsiah? Pembuat dasar di peringkat nasional dan universiti harus memutuskan hal ini. Jika memang ini yang dikehendaki dilakukan oleh universiti, implikasinya harus dilihat pada kurikulum dan ko-kurikulum, pada isi dan penilaian pencapaian dalam program pengajian. Bagaimanakah hal ini dapat dipastikan bila diizinkan sistem pengajian jarak jauh, pengambilan mata kursus moduler, sistem yang tidak mementingkan lulus kursus-kursus pra-syarat? Semuanya ini meminta penyelesaian.

#### KEENAM: FUNGSI KEMUNCAK SESEBUAH UNIVERSITI

Banyak lagi fungsi-fungsi lain yang dapat ditonjolkan dan dicari implikasinya kepada perancangan dan pengurusan universiti. Ruang dan waktu tidak mengizinkan saya berbuat demikian. Bagaimanapun, <sup>sangat</sup> ingin menyudahi perbincangan ini dengan menyebut satu lagi fungsi universiti yang dapat kita namakan *fungsi kemuncak* atau *fungsi agungnya*.

Universiti adalah kemuncak atau *apex* kepada sistem pendidikan dalam konteks sesebuah negara memasyarakatkan anggotanya menerusi kecemerlangan ilmu yang matlamat akhirnya ialah kecemerlangan sebuah peradaban.

*Keuniversitian* sesebuah universiti amat bergantung kepada jelas tidaknya persepsi kita terhadap fungsi kemuncak universiti kita. Adakah ia sekadar tempat menjana ilmu semata-mata? Adakah ia sekadar penyebar pengetahuan semata-mata? Mahu kita abaikan sajakah pembinaan sahsiah pelajar supaya menginsafi peri perlunya dalam sesebuah peradaban premium yang tinggi diletakkan ke atas *nilai-nilai*

*kemanusiaan* seperti kesaksamaan, keadilan, kepengasihanan, kepedulian, ketimbang-rasaan, simpati, keamanan, kedamaian, keharmonian, kehalusan, kesopanan, dan sebagainya?

Akan tercapaikah maksud universiti untuk menanam bibit nilai tinggi kemanusiaan jika ia menyelenggarakan dirinya semata-mata sebagai badan komersil yang terlepas daripada perhitungan falsafah peradaban manusia?

Di manakah nanti tempat pemikir dan filsuf, seniman dan sasterawan, saintis dan penyelidik agung kita dalam sebuah kampus yang mengendalikan dirinya sebagai pejabat pos dan stesen penyiaran semata-mata?

#### PENYUDAH BICARA

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

Mesej saya tidaklah seberapa dan tidak pula sedalam mana.

Pertama, jangan disanggah arus perubahan. Universiti sebagai sebuah institusi sosial akan pupus jika ia tidak flexi menyesuaikan diri dengan perubahan yang datang. Walau bagaimanapun, dalam berbuat demikian, universiti jangan pula membuang ke laut segala cirinya unggul untuk mencapai matlamat kemanusiaan yang unggul pula dengan matlamat terakhirnya untuk terus membina peradaban yang tinggi.

Kedua, hidup ini bukan hitam dan putih semata-mata. Yang baru dicari tetapi jangan sampai dicampak yang lama yang belum pasti dapat diganti.

Ketiga, hendaklah dicari atau diberi tempat berlindung – tasik yang damai, hijauan dan pepohon rendang, berlatarkan banjaran dan gunung ganang – tempat yang membolehkan orang, pemikir terutamanya, mengolah fikir, mencari teori, meneroka

penciptaan, mengungkap ilmu demi mengkehadapkan lagi sempadan peradaban manusia. Pada hemat saya, di antara pelbagai institusi sosial, universitilah tempat yang sebaik-baiknya memberikan tempat berlindung ini.

Demikianlah maka *keuniversitian* itu perlu dikonsepsikan dengan sebaik-baik dan sesempurnanya sebab ia nanti menentukan corak universiti kita, dan menerusinya, corak peradaban kita.